

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

**HMP 204 Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu - Polinesia**

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 [a], [b] DAN [c] MESTI dijawab dan pilih mana-mana TIGA [3] soalan yang lain.

Tuliskan nombor 1 hingga 5 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

1. Soalan 1 [a], [b] dan [c] menggunakan data perbandingan enam bahasa Austronesia yang berikut:

| Bil. | B. Melayu | B. Batak | B. Bisaya | B. Bugis | B. Tombulu | B. Jawa |
|-------|-----------|----------|-----------|----------|------------|---------|
| i. | beras | boras | bogas | wara | - | wos |
| ii. | berat | borat | bogat | wara | waha | a bot |
| iii. | darah | dara | dogo | dara | raha | rah |
| iv. | darat | darat | dagat | dara? | - | rat |
| v. | bibir | bibir | bibig | wiwe? | wiwi | wiwi |
| vi. | kapur | hapur | apog | - | apu | apu |
| vii. | ekor | ihur | ikog | iko | - | - |
| viii. | ribu | ribu | tibo | sabu | riwu | ewu |
| ix. | ratus | ratus | gatos | ratu? | ma hatus | atus |

.../2

- [a] Berdasarkan butiran dalam data didapati bahawa sesetengah perkataan dalam bahasa tertentu tidak mempunyai padanan perkataan dalam bahasa yang lain. Dalam kaedah perbandingan tanda sempang (-) digunakan untuk merujuk kepada keadaan ini. Apakah tafsiran anda terhadap hal ini? Jika dapat ramalkan bentuk-bentuk berkognat yang sepatutnya muncul pada tempat yang bertanda sempang dalam data di atas.

[10 markah]

- [b] Tentukan semua kesepadanan bunyi dan perangkat kesepadanan bunyi vokal dan konsonan dalam keenam-enam bahasa di atas.

[20 markah]

- [c] Hasil maklumat daripada bahagian 1[b] dan juga bentuk purba yang diberikan berikut ini, terangkan perubahan yang terjadi kepada fonem proto *R *S dan *q Austronesia Purba apabila diturunkan ke dalam keenam-enam bahasa dalam data.

Bentuk purba bagi perkataan [i] hingga [ix] adalah:

| | |
|--------|---------|
| [i] | * bĕRas |
| [ii] | * bĕRat |
| [iii] | * daRĕq |
| [iv] | * daRat |
| [v] | * bibiR |
| [vi] | * kapuR |
| [vii] | * SikuR |
| [viii] | * Ribu |
| [ix] | * Ratus |

[10 markah]

2. Menurut Gorys Keraf (1984: 166) teori migrasi bahasa ialah:

"usaha pengumpulan asumsi, batasan-batasan dan hipotesa yang membicarakan gerak dan arah migrasi bangsa-bangsa pada jaman pra-sejarah".

Menggunakan pernyataan ini huraikan teori migrasi penutur bahasa Austronesia dari tanah asal mereka di bahagian tengah Asia.

[20 markah]

.../3

3. Kesepadanan semua bunyi bagi satu-satu perkataan kadang-kadang tidak berlaku apabila bahasa-bahasa sekerabat dibandingkan. Walau bagaimanapun, perkataan yang tidak bersepadan ini dianggap perkataan yang berkognat juga dan dikatakan wujud akibat berlakunya perubahan bunyi. Berkaitan hal ini dan dengan mengemukakan contoh lain daripada bahasa Austronesia, jelaskan maksud perkara berikut:

[a] perubahan bunyi [3 markah]

[b] perubahan bunyi yang teratur [5 markah]

[c] hukum bunyi [6 markah]

[d] kesepadanan bunyi [6 markah]

4. Jelaskan perkara berikut secara ringkas dengan menggunakan contoh daripada bahasa Austronesia:

[a] Kaitan kajian sinkronik dan diakronik dengan linguistik sejarah dan perbandingan. [5 markah]

[b] Konsep kekeluargaan atau kekerabatan bahasa. [10 markah]

[c] Bagaimana mengenalpasti dan menentukan bahawa bentuk warisan dalam bahasa kerabat merupakan turunan daripada bahasa purba. [5 markah]

5. Soalan ini berkaitan dengan kaedah rekonstruksi luaran dan rekonstruksi dalaman:

[a] Apakah perbezaan antara rekonstruksi luaran dan rekonstruksi dalaman? [10 markah]

[b] Kenapa fonem atau bunyi yang direkonstruksi diberi tanda bintang (asterisk)? [5 markah]

[c] Apakah perlunya andaian kerja palsu dalam rekonstruksi luaran? [5 markah]